AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : COVID-19

Sabah catat kes tertinggi 45.7%

Kuala Lumpur: Sebanyak 869 kes positif Covid-19 dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 di negara ini sebanyak 42,050 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan adalah 11,446 kes.

"Sabah terus mencatat jumlah kes tertinggi sebanyak 397 kes iaitu 45.7 peratus dan sebanyak 258 kes lagi dilaporkan di Lembah Klang iaitu 29.7 peratus," katanya dalam sidang media harian Covid-19, semalam.

Sehingga kini, terdapat 82 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU)"

Dr Noor Hisham

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 725 kes dilaporkan pulih sepenuhnya daripada Covid-19, semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes pulih adalah 30,304 kes atau 72.1 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Sehingga kini, terdapat 82 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), yang mana 27 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Setakat jam 12 tengah hari (semalam) enam kematian dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif kes kematian 300 kes," katanya.

PELAJAR Sekolah Menengah Sains Labuan (SMSL) beratur untuk menaiki bas ke Lapangan Terbang Labuan dalam proses penghantaran balik melalui pengangkutan udara ke Kota Kinabalu, Sabah, semalam.

KKM kenal pasti empat kluster baharu

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan terdapat empat kluster baharu Covid-19 dikenal pasti di Sabah dan Kelantan, hari ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat kluster baharu itu adalah Kluster Liawan, Kluster Tatahan, Kluster GK Tawau dan Kluster Kube.

Menurutnya, Kluster Liawan membabitkan daerah Keningau apabila kes indeks bagi kluster itu (kes ke-37,553) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 5 November lalu dan dimasukkan ke Hospital Keningau.

Beliau berkata, saringan kontak rapat mengesan 23 lagi kes positif dan kes itu dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Keningau, Sabah.

"Kluster Tatahan pula membabitkan daerah Kota Kinabalu apabila kes indeks (kes ke-32,597) dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 1 November lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan 17 lagi kes positif dan semua kes itu dimasukkan ke Hospital Wanita dan Kanak-Kanak Sabah, Likas dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Kota Kinabalu," katanya pada sidang media harian Covid-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster GK Tawai membabitkan daerah Tawau apabila kes indeks (kes ke-12,923) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 6 Oktober lalu.

Beliau berkata, saringan kontak rapat mengesan 48 lagi kes positif dan semua mereka dimasukkan ke Hospital Tawau.

"Kluster Kube pula membabitkan Kota Bharu dan Tanah Merah di Kelantan apabila kes kluster (kes ke 40,206) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 7 November lalu.

"Saringan kontak rapat mengesan sembilan lagi kes positif dan semua kes dimasukkan ke Hospital Tumpat serta Hospital Raja Perempuan Zainab II," katanya.

Analisis laporan ujian vaksin

Putrajaya: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu melihat dan menganalisis laporan ujian klinikal fasa ketiga bagi setiap vaksin sedang dibangunkan ketika ini sebelum membuat sebarang pembelian vaksin Covid-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, ketika ini 11 vaksin untuk Covid-19 dalam fasa ketiga ujian klinikal dan kementerian itu belum mendapat laporan mengenainya.

"Kami berharap untuk mendapatkan laporan itu dan akan menganalisis untuk melihat aspek keselamatan serta keberkesanan vaksin itu," katanya pada sidang media harian Covid-19 di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pengumuman syarikat farmaseutikal gergasi Amerika Syarikat (AS), Pfizer, sebelum ini bahawa vaksin Covid-19 yang sedang dibangunkannya berjaya mencatatkan keberkesanan hingga 90 peratus.

Bagaimanapun, vaksin itu perlu disimpan pada suhu -80 darjah Selcius.